

27/02/1998

Jupiter Securities terbit laporan

JUPITER Securities semalam menerbitkan laporan mengenai syarikat awam tersenarai yang mempunyai aliran tunai kukuh di samping syarikat yang menghadapi masalah kekurangan tunai.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata syarikat bukan Bumiputera akan dibenarkan buat sementara untuk membeli kepentingan dalam syarikat Bumiputera bermasalah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu "menyelamatkan" syarikat yang menghadapi masalah.

Menurut Jupiter, lima syarikat aliran tunai paling kukuh ialah Genting Bhd (Genting), konglomerat Sime Darby Bhd (Sime Darby), syarikat sekutu Genting, Resorts World Bhd (Resort World) di samping pengeluar serta pengedar kereta nasional - Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dan Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON).

Jupiter juga menyenaraikan syarikat yang mempunyai beban hutang paling tinggi, termasuk Inch Kenneth Kajang Rubber Plc (Inch KK), Mining Corp Bhd (MMC), Prime Utilities Bhd (Prime), Malayan United Industries Bhd (MUIB) dan Gopeng Bhd (Gopeng).